



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**LAWATAN PEMERIKSAAN KE GERAI-GERAI JUALAN PERAYAAN (BERMUSIM)
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-78 TAHUN**

1. Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menjalankan operasi penguatkuasaan ke atas gerai-gerai jualan perayaan (bermusim) sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-78 tahun. Operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan di kawasan letak kereta berdepanan dengan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien pada hari Rabu, 17 Julai 2024.
2. Lawatan pemeriksaan mengejut ini merupakan tindakan rutin dalam memastikan sebarang penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan adalah sah, tepat dan berdaftar selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151.
3. Hasil daripada pemeriksaan berkenaan, Unit SDT telah mendapati sebanyak sebelas (11) unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perniagaan. Lima (5) unit daripadanya gagal mematuhi akta dan peraturan sukatan dan timbangan iaitu empat (4) unit menggunakan alat timbangan yang belum berdaftar dan satu (1) unit mansuh tempoh penggunaan yang dibenarkan. Pemilik-pemilik alat berkenaan telah dikeluarkan Notis Peringatan dan dikehendaki hadir ke Pejabat Unit SDT dalam tempoh **TIGA (3) hari** waktu bekerja dari tarikh notis dikeluarkan untuk memperbetulkan isu tersebut.
4. Seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-alat Sukatan dan Timbangan 1994; di bawah seksyen 3 (2); setiap orang yang menggunakan atau ada pada miliknya untuk kegunaan perdagangan mana-mana timbangan, sukatan alat-alat untuk menimbang yang tidak dicap sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan ini adalah bersalah. Hukuman denda sebanyak BND1,000.00 atau penjara selama tiga (3) bulan atau kedua-duanya sekali dan timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang yang tersebut itu adalah boleh dirampas dan sebarang kontrak, tawar-menawar, jualan atau urusan dagang yang dibuat dengan timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang sedemikian adalah tidak sah.
5. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) melalui e-mel: sdt@mofe.gov.bn atau melalui talian 233 4092.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE),
Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

E-mel: sdt@mofe.gov.bn

Rujukan: (057) KKW/SDT/ENF/04

Tarikh: 14 Muharram 1446 / 20hb Julai 2024



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

**INSPECTION VISITS TO FESTIVE STALLS IN CONJUNCTION WITH HIS MAJESTY'S
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 78TH BIRTHDAY CELEBRATION**

1. Industry and Business Ecosystem Division (IBE) through Weights and Measures Unit (SDT) under Ministry of Finance and Economy has conducted spot check visits to the festive stalls in conjunction with His Majesty's Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 78th birthday celebration. The Enforcement Operation was carried out at the parking area in front of Royal Regalia Building and Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien on Wednesday, 17th July 2024.
2. The operation was a routine enforcement initiative to ensure weights and measures machines used for business activity are registered and verified in accordance to the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151.
3. During the inspection, SDT officers found eleven (11) units of weighing and measuring machines used for trading purposes. Whereby, five (5) units were in violation of the Weights and Measures Act 1983, Chapter 151 and its stipulated guidelines, i.e. four (4) units using unverified weights and measures machines and one (1) unit has an expired validity date. The owners of the equipment have been issued with a Reminder Notice and was required to rectify the issue and present themselves to SDT Unit's Office within **three (3)** working days from the date the notice was issued.
4. As stipulated in the Weights and Measures (Verification) Regulations, 1994 under section 3 (2); Every person who uses or has in his possession for use for trade any weight, measure or instrument for weighing not stamped as required by this regulation shall be guilty of an offence. The penalty for such offence is a fine of BND1,000.00 or imprisonment for three (3) months or both and instrument for weighing shall be liable to be forfeited and any contract, bargain, sale or dealing made by such weight, measure or instrument for Weighing shall be void.
5. For any enquiries, the public may contact SDT Unit, IBE via email: sdt@mofe.gov.bn or contact at 233 4092.

-END-

Prepared by:
Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division (IBE),
Ministry of Finance and Economy.
E-mail: sdt@mofe.gov.bn

Reference: (057) KKW/SDT/ENF/04
Date: 14 Muharram 1446 / 20th July 2024

LAWATAN PEMERIKSAAN KE GERAI-GERAI JUALAN PERAYAAN (BERMUSIM) SEMPERNA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-78 TAHUN



LAWATAN PEMERIKSAAN KE GERAI-GERAI JUALAN PERAYAAN (BERMUSIM) SEMENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-78 TAHUN

